

1973

JOHOR BAHRU, 25 JAN (BERNAMA) -- FIMA AKAN MENGAJAI KEMUNGKINAN UNTUK MENYERTAI BERBAGAI PERUSAHAAN PENGELUARAN MAKANAN SECARA BESAR-BESARAN DI KAWASAN PROJEK JOHOR TENGGARA. Pengerusinya, DR. MAHADZIR MOHAMMED BERKATA INI TERMASUK TERNAKAN LEMBU UNTUK DAGING, TANAMAN JAGONG UNTUK MAKANAN HAIWAN SERTA BUAH-BUAHAN TEMPATAN SECARA BESAR-BESARAN UNTUK DIPROSES.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI PENERUSI LEMBAGA PEMBANGUNAN JOHOR TENGGARA, ENCIK ABDULLAH BIN DATUK ABDUL RAHMAN DI SINI HARI INI.

KATANYA ANTARA BUAH-BUAHAN TEMPATAN YANG SEDANG DIFIKIRKAN OLEH FIMA ALAH RAMBUTAN DAN BETIK UNTUK DITINKAN BAGI EKSPOT.

+BETIK MENDAPAT PASARAN DILUAR NEGERI TERUTAMA DI JEPUN,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA SATU KAJIAN YANG TELITI TERPAKSA DIJALANKAN SEBELUM PROJEK TERSEBUT DAPAT DILAKSANAKAN. -BERSAMBUNG. 1445/1D

## FIMA 2 JOHOR BAHRU

+KITA MUNGKIN MULA MENJALANKAN PROJEK ITU DISATU KAWASAN KECIL UNTUK PERCUBAAN. JIKA BERJAYA, LADANG YANG LUAS MUNGKIN AKAN DIBUKA.+

INI MERUPAKAN PROJEK-PROJEK JANGKA PANJANG YANG TELAH DIRANCANGKAN OLEH FIMA.

BELIAU BERHARAP PROJEK TERSEBUT DAPAT MEMBERI PEKERJAAN TERUTAMA SEKALI BEKERJA SECARA SAMBILAN BUAT PERMULAANNYA.

DR. MAHADZIR BERKATA FIMA JUGA SEDANG MENJALANKAN BERBAGAI PENYELIDIKAN MENGENAI PENGELUARAN BAHAN PERASA MAKANAN DAN PENGELUARAN AIR BUAH-BUAHAN UNTUK EKSPOT.

BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA PERUSAHAAN GAJUS YANG DICADANGKAN DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA AKAN DILANCARKAN TAHUN INI DENGAN MENANAMNYA DIKAWASAN 2,000 EKAR DI PAHANG DAN TRENGGAN. -BERSAMBUNG. 1447/1D

564:

## FIMA 3 JOHOR BAHRU

MENGENAI EKSPOT NENASDALAM TIN, DR. MAHADZIR BERKATA SETIAP LANGKAH YANG MUNGKIN SEDANG DIAMBIL UNTUK MENAMBAHKAN LAGI EKSPOT

DITANYA JIKA BELIAU BERSETUJU DENGAN CADANGAN SUPAYA MALAYSIA MEMASUKI KESATUAN EKONOMI EROPAH SEBAGAI ANGGUTA BERSEKUTU UNTUK MENGURANGKAN KESAN KEATAS EKSPOT NENAS TIN MALAYSIA KE EROPAH, BELIAU BERKATA INI ADALAH SATU PERKARA YANG DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN.

+JIKA SAYA TIDAK SILAP, PERDANA MENTERI PERNAH BERKATA BAHAWA MALAYSIA SEDANG MENIMBANGKAN KEMUNGKINAN,+ KATANYA.

KEMUDIAN, DR. MAHADZIR YANG SEDANG MELAKUKAN LAWATAN DUA HARI KE SINI, MENEMUI PENGETIN-TIN NENAS TEMPATAN. -BERNAMA. 1450/1D